

Ruj: KP(JPS)5181/01/02/Jld.2 (61)
Tarikh: 8 November 2003

Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Bertaraf Universiti/
Kolej Universiti/ Kampus Cawangan Universiti Luar Negara

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENDAFTAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI
SWASTA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BIL. 8/2003:
Keperluan Mendapatkan Taraf Akreditasi Bagi Semua Kursus Pengajian Yang
Diluluskan Kepada Universiti Swasta, Kolej Universiti dan Kampus Cawangan
Universiti Luar Negara**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Eksekutif di Universiti Swasta, Kolej Universiti dan Kampus Cawangan Universiti Luar Negara tentang dasar mewajibkan semua IPTS bertaraf universiti/Kolej Universiti/Kampus Cawangan Universiti Luar negara mendapatkan Akreditasi bagi semua peringkat program pengajian yang dikendalikan di institusi masing-masing.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah membuat penetapan bahawa semua IPTS bertaraf universiti/ kolej universiti/ kampus cawangan universiti luar negara yang telah diluluskan dan didaftarkan oleh Kementerian Pendidikan **DIWAJIBKAN** untuk mendapatkan taraf Akreditasi dari Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bagi semua kursus-kursus pengajian di semua peringkat yang dikendalikan di institusi masing-masing.

4. Penetapan ini dibuat selaras dengan usaha Kerajaan untuk menjadikan program-program pengajian di IPTS berkualiti tinggi dan bertaraf antarabangsa, khasnya bagi program-program pengajian yang dikendalikan di IPTS yang bertaraf universiti/ kolej universiti/ kampus cawangan universiti luar negara.


5. Pihak Kementerian Pendidikan akan menjalankan pemeriksaan dan pengawalseliaan bagi tujuan memastikan setiap institusi yang berkaitan mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

6. Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT)
Ketua Pendaftar
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
- i. Y.B. Menteri Pendidikan
 - ii. Y.B. Timbalan-Timbalan Menteri
 - iii. Y.B. Setiausaha Parlimen
 - iv. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 - v. Timbalan Ketua Pendaftar IPTS
Jabatan Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan
 - vi. Pengarah
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan
 - vii. Ketua Eksekutif
Lembaga Akreditasi Negara
 - viii. Pendaftar-Pendaftar Sekolah
Jabatan Pendidikan Negeri
 - ix. Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia